

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2017**  
**BAYARAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018**

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
<b>Pelaksanaan</b>		
1.	Bagaimanakah Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 dilaksanakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan?	Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
2.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap sebelum atau pada 9 Mei 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Layak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap sebelum atau pada 9 Mei 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
3.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang baharu dilantik ke jawatan tetap pada atau selepas 10 Mei 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Tidak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang baharu dilantik ke jawatan tetap pada atau selepas 10 Mei 2018 tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
<b>Pegawai <i>Contract of Service</i></b>		
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Disember 2017 hingga 31 Mei 2018 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 tertakluk kepada syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Februari 2018 hingga 31 Mei 2018 sahaja sedangkan tempoh kontrak sebenar bermula dari 1 Februari 2018 hingga 30 September 2018? Pegawai memilih untuk memendekkan tempoh kontraknya atas pilihan sendiri.	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan dan pegawai sendiri telah memilih untuk menamatkan perkhidmatan kontraknya sebelum tarikh tamat kontrak asal.
6.	Adakah pegawai <i>Contract for Service</i> layak dibayar Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Pemberian Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai <i>Contract for Service</i> adalah tertakluk kepada surat edaran Kementerian Kewangan yang boleh dimuat naik melalui portal Kementerian Kewangan.
<b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>		
7.	Adakah seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang berkhidmat pada 1 April 2018 hingga 30 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Layak. Pemberian Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini juga dipanjangkan kepada PSH tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 dan masih berkhidmat pada tarikh 7 Jun 2018 (tarikh pembayaran) tersebut.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
8.	Adakah pegawai PSH yang telah berkhidmat pada 1 Januari 2018 hingga 31 Mac 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana tidak berada dalam perkhidmatan pada 7 Jun 2018 walaupun pegawai memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
<b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b>		
9.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Layak. Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
<b>Hukuman Tatatertib</b>		
10.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada Disember 2017 dan hukuman pelaksanaannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	<p>Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana <b>hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan pada tahun 2017</b> dan bukannya tahun 2018 walaupun pelaksanaannya melangkaui ke tahun 2018.</p> <p>Pegawai juga tertakluk kepada syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.</p>

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
11.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada tahun 2018 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
<b>Pesara</b>		
12.	Adakah pegawai yang bersara sebelum atau pada 30 Januari 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Layak di atas kadar pesara. Pegawai yang bersara sebelum atau pada 30 Januari 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana beliau tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
13.	Adakah pegawai yang bersara dalam tempoh 31 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	<p>Layak. Pegawai yang bersara dalam tempoh 31 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
<b>Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan</b>		
14.	Adakah penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 30 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	<p>Layak. Penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 30 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.</p> <p>Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala baki sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>
15.	Adakah penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia sebelum atau pada 29 Januari 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia sebelum atau pada 29 Januari 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kerana pegawai tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
<b>Pengkorporatan/ Penswastan dan Pengasingan</b>		
16.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan JKK/ SSB/ SSM layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
<b>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</b>		
17.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018?	Tidak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.